

## KPDNHEP jamin bekalan makanan cukup sehingga 31 Mac

Mac 19, 2020 Ditulis oleh Media Baharu



**KUALA LUMPUR, 19 Mac** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memberi jaminan bekalan makanan mencukupi terutamanya dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan sehingga 31 Mac ini.

Menurut Timbalan Ketua Setiausaha, Dr Alauddin Sidal, tiada lagi aktiviti pembelian panik di seluruh negara berdasarkan pemantauan dan pemeriksaan oleh pegawai pemantau harga KPDNHEP.

Setakat ini KPDNHEP tidak mengesan sebarang kenaikan harga barangan, dan pemeriksaan berkala terus akan diadakan bagi memastikan tiada peniaga yang mengambil kesempatan.

Dalam masa sama KPDNHEP juga sedang memantau penjualan secara dalam talian, susulan pesanan pembelian makanan secara dalam talian meningkat baru-baru ini.

Dr. Allaudin ditemui selepas menjadi tetamu program Selamat Pagi Malaysia di Angkasapuri.